

Cari penyelesaian, bukan salahkan

Rohaniza
Idris

roha@bh.com.my



Sepanjang beberapa minggu ini, tersebar di media sosial mengenai penyebaran video pelajar dan remaja menggunakan peralatan vase dalam bentuk pen dan jam.

Terbaru, masyarakat dikejutkan pula dengan penjualan gula-gula dikenali *Ghost Smoke*. Serbuk gula-gula itu akan mengeluarkan asap seakan-akan rokok apabila disedut.

Perkara ini membimbangkan banyak pihak terutama ibu bapa dan guru, kerana perlakuan berkenaan dilihat sebagai berisiko mengundang permulaan kepada permasalahan penagihan dadah.

Kerajaan juga dengan segera mengambil berat isu berkenaan dan terbaru, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Aizah Wan Ismail, menggarahkan penjualan *Ghost Smoke* dihentikan serta-merta.

Kementerian Pendidikan (KPM) juga memandang serius isu jualan bahan terlarang seperti rokok elektronik dan vape kepada pelajar.

Kerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) digerakkan bagi membanteras penjualan barang berkenaan kepada pelajar sekolah.

Kementerian Kesihatan juga menyatakan komitmen memulakan siasatan dan penguatkuasaan berhubung penjualan *Ghost Smoke* di seluruh negara dan Bah-

gian Kualiti dan Keselamatan Makanan di bawah kementerian itu sedang menyiasat perkara berkenaan secara menyeluruh, juga melalui bekerjasama dengan KPDNHEP.

Tindakan tegas kerajaan harus dipuji dan diharap akan ada penyelesaian dalam isu berkenaan supaya ia tidak menjadi budaya baharu yang boleh menyebabkan anak kita terjebak dengan aktiviti penagihan dadah.

Memetik kata-kata Dr Wan Aizah, gula-gula *Ghost Smoke* boleh menjadi permulaan kepada masalah penagihan dadah.

“Dulu smoking (merokok), kemudian dadah dan syabu,” katanya.

Isu ini bukan hanya perlukan tindakan di pihak kerajaan dan penguatkuasaan semata-mata, sebaliknya perlu ditangani dari rumah dan sekolah.

Ibu bapa pula pula jangan menyerahkan bulat-bulat usaha membendung perkara ini kepada kerajaan dan sekolah.

Memandangkan anak di bawah tanggungjawab ibu bapa, semestinya tugas untuk memastikan budaya ‘baharu’ yang tersebar melalui media sosial ini tidak terus menular, maka ia perlu ditangani terlebih dahulu di rumah.

Selain pemantauan pergerakan anak di rumah dan luar kedianan, ibu bapa sendiri perlu sentiasa pantau bahan media sosial diperoleh anak melalui Instagram, Facebook dan Twitter juga dipantau.

Pengaruh media sosial sangat rapat dengan anak zaman ini yang mana segala maklumat boleh diperoleh di hujung jari.

Natural kanak-kanak dan remaja yang sentiasa ingin tahu mendo-

pihak lain